

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI  
Tajuk : PERSIDANGAN WANITA DALAM PEMBANGUNAN  
Lokasi : NEGERI KEDAH  
Tarikh : 17-06-1982

Yang mulia Puan Pengerusi;

Dif-dif Kehormat;

Puan-puan yang dihormati sekalian.

Assalamu 'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Jawatankuasa PERWANIDAH kerana memberi peluang kepada saya untuk berucap di Persidangan Wanita Dalam Pembangunan pada hari ini.

2. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada PERWANIDAH di atas daya usahanya menganjurkan Persidangan yang penting ini secara besar-besaran. Di sini juga saya mengalu-alukan penglibatan dan kerjasama Persatuan Siswazah Wanita Malaysia dalam menjayakan Persidangan ini. Saya yakin penglibatan secara aktif oleh cerdik-pandai dan para intelek wanita di dalam kegiatan seperti ini dapat menjadi tenaga yang berkesan dalam usaha-usaha membangun dan memajukan wanita di negara kita.

3. Sebagaimana kita maklum, dunia telah mengalami perubahan yang amat besar di dalam abad ke-20 ini, khususnya di dalam beberapa dekad yang akhir ini. Di dalam suasana yang berubah ini, kedudukan dan peranan wanita juga telah berubah. Peranan wanita meliputi aspek sosio-budaya, ekonomi dan politik di samping urusan keluarga dan rumah tangga. Keinsafan mengenai kedudukan dan peranan wanita amnya telah menghasilkan pengistiharan Tahun dan Dekad Wanita Antarabangsa 1976 - 1986 oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Selaras dengan pengistiharan ini, di Malaysia satu Jawatankuasa khas, iaitu Majlis Penasihat Bagi Mengintegrasikan Wanita Dalam Pembangunan, atau NACIWID, telah diwujudkan pada tahun 1976.

4. Walaupun terdapat kesedaran mengenai peranan wanita yang semakin meningkat, masih terdapat rintangan-rintangan tertentu yang menghalang penglibatan wanita yang lebih aktif dan menyeluruh di dalam kegiatan masyarakat dan hal ehwal negara. Usaha-usaha adalah perlu, khususnya tindakan dari kaum wanita sendiri, bagi mengatasi rintangan-rintangan ini.

Puan-Puan Sekalian,

5. Jumlah penduduk negeri Kedah ialah kira-kira 1.1 juta dalam tahun 1980. Secara umumnya kira-kira lebih sedikit dari 50% penduduk negeri ini adalah wanita. Sebagaimana yang kita maklum, Kedah merupakan sebuah negeri Pertanian. Keluaran utama negeri Kedah ialah padi. Di samping itu negeri Kedah juga mengeluarkan getah dan kelapa sawit.

Akhir-akhir ini pula negeri Kedah juga telah terlibat dengan penubuhan industri dan lain-lain kegiatan ekonomi. Dengan tempo kegiatan ekonomi yang semakin rancak ini, wanita di negeri Kedah seharusnya terlibat dalam perkembangan yang berlaku ini secara aktif dan berkesan.

6. Di samping itu, kita harus sedar dengan arus yang telah membawa setengah masyarakat di negara maju ke arah kelemahan dan keruntuhan asas-asas agama dan moral. Dalam kekaguman kemajuan, mereka telah sanggup mengenyampingkan aspek-aspek moral dan kerohanian kerana kononnya aspek-aspek ini mengongkang kemajuan. Dalam hal ini, kaum wanita juga telah secara membuta-tuli membawa penghinaan kepada diri mereka dengan mengenyampingkan nilai-nilai moral dan keagamaan yang menjamin kehormatan dan kedudukan mereka yang mulia dalam masyarakat.

7. Penglibatan wanita dalam pembangunan tidak akan dapat memenuhi kehendak pembangunan itu sendiri sekiranya kemajuan sosio-ekonomi wanita diasaskan kepada keperluan ekonomi dan material sahaja. Penglibatan wanita dalam pembangunan mestilah mengambilkira kaitannya dengan kerohanian dan moral. Usaha-usaha untuk meningkatkan semua aspek kemampuan mestilah memberi keutamaan yang sewajarnya kepada aspek kerohanian dan keagamaan. Jika dikaji secara teliti di mana wanita memainkan peranan yang aktif di dalam keluarga, di tempat-tempat kerja dan di dalam masyarakat, maka tidak dapat tiada wanita merupakan unsur yang penting yang membentuk rupa masyarakat dan bangsa yang berkeperibadian tinggi. Oleh itu, dalam apa jua tindakan kita untuk meningkatkan penglibatan wanita dalam pembangunan, kita tidak harus lupa tentang peranan utama kita sebagai penjaga kehormatan wanita dan masyarakat.

8. Di dalam rangka konsep pembangunan yang seimbang di mana aspek material dan aspek kerohanian diberi keutamaan, kita harus memikirkan usaha-usaha dan tindakan-tindakan tertentu bagi meningkatkan penglibatan wanita di dalam pembangunan. Pada pendapat saya, perbincangan mengenai wanita dalam pembangunan perlu memberi perhatian kepada aspek-aspek pelajaran dan latihan, penyertaan wanita di dalam kegiatan ekonomi, penglibatan wanita di dalam politik, dan peranan wanita di dalam pembentukan keluarga yang aktif.

9. Tujuan saya di sini bukanlah untuk menghuraikan aspek-aspek ini. Saya percaya Persidangan ini akan membincangkan perkara-perkara ini secara mendalam dan terperinci. Tetapi, saya akan menyentuh beberapa perkara yang saya fikirkan harus diberi perhatian dalam perbincangan mengenai wanita dalam pembangunan supaya kita tidak akan terbawa-bawa dengan perbincangan dan resolusi-resolusi yang berada di awang-awangan.

Puan-puan sekalian,

10. Penglibatan wanita tidak harus terhad kepada pekerjaan-pekerjaan di bidang-bidang dan di kilang-kilang. Wanita harus memasuki bidang-bidang profesional dan kemahiran dan menerokai kegiatan-kegiatan ekonomi moden sebagai usahawan. Penglibatan mereka harus selaras dengan cita-cita untuk memperbaiki kedudukan wanita dan menjamin sumbangan mereka yang berkesan kepada masyarakat dan negara. Di sini, kemampuan wanita merupakan asas yang penting bagi penglibatan mereka di dalam sesuatu aktiviti atau kegiatan.

11. Pada pendapat saya, kemampuan adalah kunci kejayaan dan pencapaian wanita di dalam apa-apa jua lapangan. Kemampuan seseorang bergantung kepada pelajaran, pengetahuan, kemahiran, pengalaman dan lebih-lebih lagi kesungguhan untuk mencapai kejayaan. Seseorang itu mungkin mempunyai pelajaran, mungkin berpengetahuan dan mempunyai kemahiran dan pengalaman, tetapi segala-galanya ini tidak boleh menjamin kejayaan yang cemerlang kecuali dengan kesungguhan.

Sebaliknya dengan kesungguhan seseorang dapat memperolehi pelajaran, pengetahuan, kemahiran dan pengalaman yang diperlukan. Dengan demikian adalah menjadi tanggungjawab kita bersama untuk menjadikan sifat kesungguhan sebagai satu perjuangan kita dalam menyediakan kaum wanita dengan kemampuan yang diperlukan dan di dalam membela nasib dan kedudukan wanita dalam pembangunan.

12. Pelajaran dan latihan, sebagai satu aspek yang dapat meningkatkan kemampuan, memainkan peranan yang penting di dalam berbagai bidang dan lapangan. Malahan pelajaran dan latihan menjadi satu faktor penting yang membezakan antara masyarakat yang mundur dengan masyarakat yang maju dan di antara masyarakat yang lemah dengan masyarakat yang kuat.

Salah satu perubahan yang berlaku dengan proses pembangunan ialah wanita telah semakin mendapat peluang pelajaran dan latihan. Walau bagaimanapun, kita tidak dapat nafikan bahawa masih ada faktor-faktor yang menghalang wanita untuk mendapat peluang yang sewajarnya di dalam bidang pelajaran dan latihan. Oleh sebab kurang peluang pelajaran dan latihan, wanita telah tersekat daripada menyertai bidang-bidang yang tertentu. Di negara kita, faktor penghalang yang paling utama ialah prasangka atau prajudis.

Bagi meningkatkan penyertaan wanita dalam pelajaran dan latihan kita perlu mengikis tanggapan bahawa peranan wanita adalah di rumah - sebagai isteri dan ibu - sebaliknya, kita harus menekankan bahawa di samping menjadi suri rumah tangga wanita mempunyai peranan yang tidak kurang pentingnya di dalam masyarakat dan hal ehwal negara. Sekiranya peranan wanita yang sebenarnya dapat difahami, kita dapat mengatasi kelemahan-kelemahan yang dihadapi oleh wanita dan seterusnya kita dapat melibatkan mereka secara aktif di dalam pembangunan tanpa kehilangan identiti mereka sebagai wanita.

13. Sekiranya tanggapan bahawa tempat wanita adalah di rumah telah dapat dikikis di kalangan wanita dan di kalangan kaum lelaki - dengan lain-lain perkataan di kalangan masyarakat umum - kita dapat bertindak dengan cara lebih berkesan ke arah matlamat melibatkan wanita di dalam pembangunan. Wanita sendiri akan memperbaiki kedudukan mereka dan mereka akan digalakkan untuk memperbaiki kedudukan mereka. Mereka tidak akan diperalatkan sebagai barangan kerana mereka wanita, malah mereka akan diterima sebagai anggota masyarakat yang sama pentingnya dengan kaum lelaki.

14. Masyarakat harus melihat peranan wanita dalam konteks yang sebenarnya selaras dengan prinsip persamaan antara individu. Prinsip persamaan ini adalah jelas di dalam Islam di mana Allah s.w.t. berfirman bahawa manusia itu adalah sama dan yang membezakan mereka ialah sikap taqwanya.

Demikian pula Islam memberi keutamaan kepada ilmu pengetahuan dan sikap berusaha. Kaum wanita haruslah memperbaiki kedudukan mereka mengikut landasan yang dikehendaki oleh ajaran agama kita yang mementingkan kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Di samping itu masyarakat tidak harus membiarkan apa-apa faktor yang membezakan kemungkinan seseorang wanita untuk berjaya kerana ianya seorang wanita.

15. Penglibatan wanita dalam pembangunan secara aktif dan berkesan, sebagaimana yang saya telah sebutkan, adalah bergantung kepada kemampuan mereka sendiri. Sebagai wanita yang ingin maju dan ingin memikul tanggungjawab yang sama dengan kaum lelaki, kita haruslah membuktikan kemampuan kita. Kita tidak harus berlindung pada hakikat bahawa oleh kerana kita wanita, kita tidak perlu membuktikan kemampuan yang sama dengan kaum lelaki. Demikian juga kita tidak harus menjadikan faktor rumahtangga sebagai dalah kerana kita tidak berjaya. Dengan lain-lain perkataan, wanita harus mempunyai kemampuan untuk memikul beban, tanggungjawab dan berbagai peranan sekiranya mereka mahu berganding bahu berbakti dan menyumbang kepada negara. Sekiranya terdapat diskriminasi terhadap mereka, dan sekiranya mereka disekat dari mencapai kemajuan, hanya mereka juga yang dapat menjadi tenaga untuk memecahkan benteng yang menjadi penghalang kepada kemajuan mereka.

16. Saya menyentuh masalah kemampuan ini kerana kemampuanlah yang menentukan samada wanita dapat memainkan peranan yang sewajarnya dalam pembangunan. Kita tidak mahu satu keadaan di mana kerana kurang, atau kerana tidak mempunyai kemampuan, menyebabkan wanita hilang pedoman dan mengabaikan tanggungjawab terhadap keluarga. Di samping itu bagi wanita memainkan peranannya secara aktif dan berkesan dalam pembangunan, kaum lelaki pula mestilah menyedari hakikat bahawa peranan dan tanggungjawab ini adalah satu peranan dan tanggungjawab yang amat berat yang memerlukan persefahaman dan kerjasama kaum lelaki.

17. Di dalam usaha meningkatkan penglibatan wanita dalam pembangunan kita juga harus sedar dengan masalah dan keperluan wanita di dalam berbagai keadaan. Wanita di luar bandar misalnya mempunyai masalah yang agak berbeza dengan wanita di bandar. Demikian juga wanita yang bekerja mempunyai masalah yang berbeza dengan wanita yang menjadi suri rumah tangga sahaja. Keperluan mereka juga berbeza.

Oleh yang demikian usaha dan tindakan untuk melibatkan wanita dalam pembangunan mestilah mengambilkira ketidak-seragaman masalah dan keperluan di kalangan wanita.

Dengan cara ini kita dapat mengatur tindakan-tindakan yang wajar bagi mengatasi masalah yang kita hadapi untuk mempergiatkan penyertaan wanita dalam pembangunan.

Puan-puan sekalian,

18. Sekali lagi saya mengucapkan tahniah kepada PERWANIDAH dan Persatuan Siswazah Wanita Malaysia yang telah menganjurkan Persidangan yang penting ini. Saya berharap Persidangan ini dapat mencungkil idea-idea yang bernas demi memajukan kaum wanita di negara ini amnya dan di Negeri

Kedah khususnya.

19. Akhir kata dengan harapan ini, saya dengan segala sukacitanya merasmikan Persidangan Wanita Dalam Pembangunan.

Wassalamu 'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.